

22/05/2003

RM7.3b jana ekonomi (HL)

Mohd Azlan Jaafar; Abdul Halim Yusoff

PUTRAJAYA: Kerajaan mengumumkan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion

berteraskan empat pendekatan utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara

dalam keadaan persekitaran global yang tidak menentu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang media di pejabatnya di sini semalam berkata, pakej itu membabitkan 90 langkah bagi menggalakkan pelaburan swasta; memperkukuhkan daya saing; menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian.

Perdana Menteri berkata, Pakej Strategi Baru - Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara itu akan menggunakan sumber domestik bagi mengurangkan pergantungan terhadap sektor luaran.

"Strategi baru ini diperlukan kerana perkembangan politik dan ekonomi dunia terutama pencerobohan terhadap Iraq dan ancaman Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"Persekitaran global kini tidak menentu dan rumit serta menghalang pemulihan ekonomi dunia. Pakej ini perlu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur serta pengguna," katanya.

Turut hadir pada sidang media itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Ali Abdul Kadir dan Gabenor

Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, sejumlah RM1.7 bilion daripada bajet Persekutuan akan digunakan bagi membiayai pakej itu, manakala RM2 bilion dari Bank Negara Malaysia.

Sementara itu, institusi kewangan seperti Bank Pertanian Malaysia, Bank

Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pembangunan Infrastruktur dan Industri akan menyediakan RM3.6 bilion.

Institusi berkenaan akan mendapatkan sumber dana daripada mudah tunai yang berlebihan di pasaran, terutama daripada dana Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP).

Dr Mahathir berkata, antara lain pakej itu membabitkan peruntukan berjumlah RM1 bilion untuk kemudahan kredit mikro kepada peniaga kecil yang sukar mendapat pinjaman pembiayaan sehingga ada yang terpaksa mendapatkan khidmat ceti haram.

Menerusi skim kredit mikro itu, peniaga kecil boleh mendapat pinjaman dengan syarat yang dipermudahkan, tanpa cagaran dan kadar faedah hanya empat peratus.

"Pembayaran balik pinjaman itu pula akan dijadualkan mengikut penerimaan

aliran tunai yang viable (berdaya maju)," katanya.

Perdana Menteri berkata, skim itu akan dikendalikan Bank Pertanian Malaysia dengan dana RM500 juta dan RM300 juta di bawah BSN.

Selain itu, katanya, kerajaan akan menambah peruntukan dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang akan diletakkan di bawah Bank Pertanian

sebanyak RM200 juta lagi.

Dr Mahathir turut mengumumkan kadar campur tangan Bank Negara diturunkan

50 mata asas atau 0.5 peratus berkuat kuasa serta-merta bagi mengurangkan

kos menjalankan perniagaan dan menggalakkan aktiviti ekonomi.

Penurunan kadar campur tangan itu akan menyebabkan pengurangan kadar asas pinjaman (BLR) oleh bank dan institusi kewangan seterusnya membolehkan peminjam menikmati kadar faedah lebih rendah.

Beliau berkata, bagi meningkatkan pembangunan di luar bandar, kerajaan akan meningkatkan taraf infrastruktur dan sistem penyampaian luar bandar.

"Kerajaan memperuntukkan RM300 juta untuk tujuan ini, Di samping itu, tambahan dana RM200 juta di bawah AIM akan memudahkan akses pinjaman kepada rakyat di luar bandar," katanya.

Bagi sektor pertanian, kerajaan menambah dana untuk tabung makanan sebanyak RM1 bilion bagi membiaya projek pengeluaran makanan selain membina 1,000 bot yang dilengkapi peralatan moden untuk disewa beli oleh

nelayan melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

Dr Mahathir berkata, untuk memastikan negara mempunyai guna tenaga mahir

mencukupi, kerajaan memperuntukkan RM500 juta untuk tabung pembangunan kemahiran.

Sementara itu, RM100 juta lagi diperuntukkan bagi tabung latihan semula

untuk meningkatkan kemahiran graduan baru dalam bidang teknologi maklumat

dan komunikasi (ICT) serta perakaunan.

"Syarikat kerajaan diminta menyediakan latihan kepada graduan baru dan pihak swasta juga harus menyediakan latihan yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yakin negara akan dapat mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih baik tahun ini berbanding tahun lalu.

"Kerajaan juga yakin semua lapisan rakyat akan memperoleh faedah daripada pakej ini dan berharap rakyat memberi kerjasama penuh serta